

28 APR 1997

LEAD Mahkamah-Guan Eng

GUAN ENG BERSALAH TERHADAP DUA TUDUHAN

MELAKA, 28 April (Bernama) -- Anggota Parlimen Kota Melaka Lim Guan Eng daripada DAP didapati bersalah terhadap dua tuduhan, menerbitkan risalah mengandungi fakta palsu dan menghasut orang ramai.

Lim, Timbalan Setiausaha Agung DAP, dihukum denda sejumlah RM15,000 oleh Hakim Datuk Mohd Noor Abdullah yang juga tidak membenarkan permohonan Lim melalui peguam Karpal Singh supaya pelaksanaan hukuman ditangguhkan.

Berikutan keputusan itu, Lim, 37, mungkin akan kehilangan kelayakan sebagai anggota parlimen.

Mengikut artikel 48 Perlembagaan Persekutuan, seorang anggota parlimen hilang kelayakan sekiranya beliau dijatuhi hukuman penjara satu tahun atau denda RM2,000. Hilang kelayakan itu akan berkuatkuasa 14 hari dari tarikh sabitan kecuali berlaku rayuan.

Lim, anak kepada ketua pembangkang Lim Kit Siang, berkata beliau akan mengemukakan rayuan hari ini.

Lim didenda RM10,000 atau penjara enam bulan kerana menerbitkan risalah bertajuk "Ceramah Kisah Benar" yang mengandungi fakta palsu pada Januari 1995 mengikut Seksyen 8A (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Dia didenda RM5,000 lagi atau penjara tiga bulan mengikut Akta Hasutan 1948 terhadap tuduhan menghasut orang ramai pada satu ceramah umum di Hotel Emperor, Jalan Munshi Abdullah di sini pada 19 Jan tahun lepas dengan mendakwa Malaysia mengamalkan undang-undang "double standard".

Dalam ceramahnya, Lim dikatakan mempertikaikan undang-undang negara setelah Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah membuat pengumuman tidak akan mendakwa Tan Sri Rahim Tamby Chik di mahkamah berhubung satu kes rogol kerana kekurangan bukti.

Lim juga menyatakan tidak rasa tidak puas hatinya terhadap keputusan mahkamah yang memerintahkan gadis berusia 16 tahun yang dikaitkan dengan Rahim ditahan di pusat perlindungan, sebaliknya dia menyatakan Rahim sepatutnya dipenjarakan.

Dalam penghakimannya, Mohd Noor berkata keputusan itu dibuat setelah beliau mendapati pihak pembela gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya Azahar Mohamad.

"Saya juga telah menimbang artikel 48 dalam kes ini dan berpendapat adalah salah jika seseorang itu dihukum untuk mengelakkan beliau daripada hilang kelayakan sebagai anggota parlimen," katanya.

Mohd Noor berkata seseorang perlu dihukum berdasarkan kesalahannya.

Beliau menasihati ahli-ahli politik supaya berjaga-jaga apabila hendak "menghentam mahkamah kerana ia tidak berupaya mempertahankan diri".

Katanya, beliau berpendapat bahawa Lim mungkin terlajak dengan penderitaan keadaan setelah menghentam Peguam Negara dan polis berhubung kes gadis terbabit.

Dalam rayuannya, Lim yang diberi peluang oleh mahkamah untuk bercakap walaupun diwakili peguam, berkata beliau menyerahkan hukuman kepada mahkamah dan akan menerimanya dengan dada terbuka.

"Dalam hati saya, saya merasakan apa yang saya lakukan adalah betul dan saya berharap telah melakukan seperti yang diharapkan oleh seorang anggota parlimen, dan saya mahu menjelaskan bahawa saya tidak mempunyai niat jahat terhadap badan kehakiman dan mencetuskan kekacauan di kalangan masyarakat," katanya.

Lim, yang sudah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak, juga memberitahu mahkamah bahawa dia tidak pernah menyimpan dendam terhadap

sesiapa termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad walaupun pernah ditahan bersama-sama bapanya mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Katanya beliau terbabit dalam kes itu semata-mata atas kerana mahu menolong nenek gadis berkenaan iaitu Pendek Ahmad, atas dasar perikemanusiaan dan perbuatan itu dilakukan untuk kepentingan awam.

Lim juga berkata beliau tidak mendapat sebarang keuntungan hasil daripada pertolongan itu, bahkan keluarganya telah menanggung beban dan menghadapi pelbagai kesulitan.

Sementara itu, Azahar meminta mahkamah supaya mengenakan hukuman berat terhadap Lim memandangkan Lim tidak sedikitpun menunjukkan rasa insaf atau menyesal dengan perbuatannya itu.

"Sebaliknya, Lim terus menerus menyerang Peguam Negara," katanya.

Azahar juga berkata kesan risalah yang diedarkan oleh Lim adalah serius.

Beliau berkata Lim juga telah menyalahgunakan kuasa yang ada padanya sebagai seorang anggota parlimen kerana beliau sepatutnya menunjukkan teladan yang baik dan bukan memutar-belitkan fakta.

"Sebagai wakil rakyat, Lim mempunyai tanggungjawab tetapi ia tidak memberikan lesen kepadanya untuk membuat tohmahan atau penghinaan terhadap mahkamah," katanya.

Terdahulu, Karpal memohon supaya mahkamah menimbangkan keadaan di mana Lim melakukan kesalahan itu dan meminta supaya tidak mengenakan hukuman penjara atau denda yang boleh menjejaskan kedudukan Lim sebagai seorang anggota parlimen.

Sepanjang kes ini, pendakwa telah mengemukakan 15 saksi manakala pembela mengemukakan lima saksi, selepas Lim diperintahkan membela diri pada 20 Nov tahun lepas.

Mahkamah penuh sesak dengan anggota DAP. Sebaik sahaja hakim mengumumkan keputusan Lim, yang kelihatan tenang, telah diserbu oleh penyokong-penyokongnya.

Kit Siang, anggota parlimen Tanjung, turut hadir bersama-sama isteri Lim, Betty, yang menangis ketika hakim memberi peluang kepada suaminya untuk bercakap sesuatu sebelum hukuman dijatuhkan. -- BERNAMA

SBB AKD